

10/08/2003

Memahami pemikiran Tony Buzan, pakar daya ingatan dunia

Veena Rusli

"PEMIKIRAN manusia tiada batasan. Malangnya, kadang-kadang kita meletakkan sekatan tidak bertempat yang menghalang perkembangan minda, walaupun untuk perkara kecil. Ini sesuatu yang menyedihkan," kata pakar daya ingatan dunia, Tony Buzan, dalam wawancara eksklusif dengan wartawan Berita Minggu, VEENA RUSLI di Menara Kuala Lumpur, minggu lalu.

Rumusannya itu tidak jauh berbeza dengan pandangan ahli falsafah Perancis, Rene Descartes (1596-1650) dalam bukunya 'Le Discours de la Methode' (1637) yang antara lain berkata: "Pemikiran yang bagus tidak bermakna jika tidak digunakan dengan sempurna."

Sepanjang pertemuan hampir dua jam itu, Buzan memberi penerangan mengenai konsep pemetaan minda - kaedah merangkai pelbagai idea mengenai sesuatu tema bagi memastikan ia terus bercambah tanpa sempadan masa atau keadaan - mampu memacu pemikiran manusia untuk mendapat hasil terbaik.

Di ibu negara, beliau berpeluang menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan beberapa menteri Kabinet menjelang Kejohanan Memori Sedunia ke-13 di Kuala Lumpur, 3 hingga 5 Oktober depan.

Sejak diperkenalkan pada 1991, ini adalah kali pertama pertandingan itu diadakan di luar London dan dikendalikan oleh syarikat teknologi tempatan, Maximum Recall IT Sdn Bhd (Max Recall).

Buzan adalah Presiden International Federation of Memory Sports (IFMS), organisasi rasmi yang menganjurkan Kejohanan Memori Sedunia. Selepas 12 kali diadakan di London, edisi ke-13 kejohanan akan diadakan di Kuala Lumpur pada 3 hingga 5 Oktober ini dengan penyertaan 17 negara. Kejohanan Memori Sedunia terbahagi kepada empat kategori, iaitu kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah, junior (13 hingga 17 tahun), dewasa (18 hingga 59 tahun) dan senior (60 tahun ke atas).

Antara acara yang dipertandingkan ialah mengingati sajak, nombor binari, 52 daun terup, nama dan rupa, nombor yang dipilih secara rawak, perkataan dan tarikh bersejarah.

Mengimbas latar belakangnya, Buzan dilahirkan di London pada 1942 dan menamatkan pengajian di University of British Columbia pada 1964, dengan kepujian dalam bidang Psikologi, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains Am.

Beliau berpengalaman bertugas di akhbar terkemuka Britain, Daily Telegraph, pada 1966 selain turut menyunting International Journal of Mensa. Nama Buzan melonjak menerusi bukunya pada 1974 bertajuk 'Use Your Head' - jualanannya sudah melepasi angka sejuta di seluruh dunia - yang terhasil selepas menjadi pengacara program dengan tajuk sama untuk rangkaian British Broadcasting Corporation (BBC).

Personaliti peramah yang sudah menulis 82 buku itu mengakui terpaksa menghabiskan enam bulan setiap tahun dalam kapal terbang untuk ke segenap pelosok dunia, berikutan kedudukannya sebagai penasihat kepada pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta memenuhi undangan berceramah - dari kumpulan prasekolah hingga golongan cerdik pandai lulusan kelas satu Universiti Oxford dan Cambridge - sejak 30 tahun lalu.

Aktif dalam bidang sukan, Buzan adalah penasihat skuad Olimpik dayung perahu dan catur Britain, di samping pernah memenangi beberapa anugerah dalam bidang penulisan sajak.

APAKAH yang menyebabkan manusia lupa?

Manusia sebenarnya kurang menghargai keupayaan yang dimiliki. Malah, dalam banyak keadaan, kita memandang rendah kemampuan melakukan perkara paling mudah seperti mengingati tarikh temu janji atau tempat kenderaan

diletak ketika mengunjungi pusat beli-belah. Kita lupa kerana itulah arahan yang diberi kepada otak, iaitu memadamkan data daripada kotak ingatan. Kita tidak memberi tumpuan kepada perkara kecil seperti nombor petak atau tiang berhampiran kenderaan diletak kerana otak sudah memberi isyarat untuk membeli-belah. Apabila tiba masa mencari kenderaan, kita menepuk dahi kerana terlupa nombor petak sedangkan pada awalnya kita yang memberi arahan kepada otak supaya melupakan soal kereta.

Saudara mencipta teknik pemetaan minda. Bagaimana konsep itu membantu meningkatkan kehidupan harian?

Ketika mengharungi zaman persekolahan pada usia belasan tahun, saya mendapati sains boleh dijadikan seni untuk berfikir dan lama kelamaan, ia menjadi sehati dalam diri hingga lahirnya pemetaan minda. Rangkaian yang bercambah menerusi pemetaan minda boleh menjadi panduan untuk kita bergerak dalam laluan lebih teratur ke arah mencapai apa yang diidamkan. Ia bukan jaminan untuk mendapat hasil sempurna, tetapi sekurang-kurangnya kita berusaha menghampirinya.

Pemikiran manusia tiada sempadan dan jika kita pandai menggunakannya, ledakan idea akan berlaku tanpa henti. Pemetaan minda akan menguji kemampuan kita berfikir. Anda hanya perlu pilih satu topik sebagai perkara pokok dan lakarkan cabang-cabangnya. Dalam beberapa ketika, anda akan menemui jalan penyelesaian atau hala tuju yang dimahukan dan dari situ, aturkan langkah mencapai matlamat. Manusia berkuasa penuh mengawal segala tindakan dan perlakuannya, baik atau buruk menerusi super ego (cabang personaliti manusia seperti dinyatakan Sigmund Freud iaitu id, ego dan super ego) yang dimiliki. Kita hanya perlu membuat pilihan.

Satu tabiat semula jadi manusia ialah sifat ingin tahu dan paling ketara di kalangan kanak-kanak. Mereka mempunyai jutaan soalan seperti mengapa bulan bulat, bolehkah kita berkereta ke matahari, mengapa gula manis atau mengapa pelangi berwarna-warni. Adakalanya kita memberi penjelasan sebaik mungkin tetapi apabila didesak bertalu-talu dengan kenapa ini dan kenapa itu, kita menjadi bosan lalu menyuruh mereka berhenti bertanya. Itu tidak patut dilakukan kerana kita membantutkan kecerdasan mereka. Kanak-kanak sangat kreatif dan antara peta minda terbaik pernah saya lihat dihasilkan oleh golongan itu. Berbeza dengan orang dewasa, kanak-kanak tidak mempunyai sekatan dan lebih jujur dalam menzahirkan apa yang melintasi fikiran. Mereka harus dididik untuk memahami sesuatu konsep kerana itu adalah teknik belajar yang betul dan bukan secara hafalan.

Kadang-kadang kita berdepan keadaan yang mahu dipadam daripada ingatan seperti kehilangan insan tersayang atau kegagalan dalam kehidupan. Bolehkah ini dilakukan?

Berita baiknya ialah tidak. Setiap peristiwa termasuk yang menyedihkan seperti kematian ahli keluarga, gagal peperiksaan atau dibuang kerja adalah pengalaman berharga yang cuma disedari kesannya selepas jangka masa tertentu... mungkin sehari dua, sebulan, setahun atau 10 tahun berikutnya. Kita dikurniakan perasaan, sudah tentu kita mahu menyingkir perkara yang menyebabkan fikiran berkecamuk. Bagaimanapun, tidak kira betapa kerap kita cuba meyakinkan diri untuk melupakannya, bayangan peristiwa itu tetap ada pada pemikiran kerana otak tidak akan menipu kita. Memang masa boleh menjadi pengubat tetapi ingatan tidak boleh dihapuskan. Penyelesaian terbaik ialah kita perlu belajar untuk 'menikmati' kesedihan itu kerana pada akhirnya, itulah penawar paling mujarab. Kekuatan itu ada dalam diri kita.

Apakah kaitan antara kemahuan hati dengan logik akal. Contohnya seseorang itu mahu berpakaian agak pelik tetapi terpaksa dibendung kerana bimbang dicemuh masyarakat?

Kita perlu berani menjangkau pemikiran untuk menampilkan identiti diri tanpa terlalu memikirkan tanggapan masyarakat, asalkan apa yang dibuat

tidak bercanggah dengan norma atau peradaban setempat. Misalnya, seorang ahli perniagaan yang berkemeja, kot, seluar panjang dan tali leher mahu memadankannya dengan kasut sukan bagi memudahkan beliau bergerak kerana menaiki kenderaan awam seperti kereta api ke pejabat. Ini biasa dilihat di luar negara dan sebagai persediaan, simpan sepasang kasut formal di pejabat bagi memelihara imej peribadi dan syarikat. Masyarakat mungkin berfikir ada yang tidak kena dengan lelaki itu dan mereka tidak boleh dipersalahkan. Orang akan berkata apa saja tetapi yang penting, kita perlu jujur dengan diri sendiri kerana ia akan mempengaruhi ketenangan fikiran.

Rutin boleh membawa kepada kebosanan. Contohnya, ketika di sekolah kita dikehendaki menulis atas garisan dan dilarang menggunakan pen merah. Saya tidak fikir ada guru yang menjelaskan mengapa peraturannya begitu. Jadi tidak hairanlah kalau murid berasa mengantuk dan tidak memberi perhatian dalam kelas. Seperti kanak-kanak, kita juga harus kreatif dan jujur kepada diri. Itu saja cara untuk kita membentuk pemikiran matang dan menentukan apa yang terbaik untuk diri. Kata hati dan kehendak akal tidak boleh diabaikan kerana dari situlah lahirnya segala keputusan.

Bagaimana saudara menjelaskan fenomena *deja vu*? (suasana yang seakan-akan pernah dialami apabila berdepan sesuatu keadaan tetapi sukar ditentukan bila atau di mana).

Keunikan otak manusia ialah ia mampu memainkan semula apa juga gambaran, walaupun dengan bersandarkan persamaan minimum seperti landskap persekitaran atau penggunaan kata-kata. Oleh kerana ia berlaku di luar sedar, situasi itu adakalanya agak mengelirukan dan lumrah manusia, kita akan mempersalahkan otak atau lebih teruk, menganggap diri sudah nyanyuk kerana berfikiran bukan-bukan. *Deja vu* ialah proses normal, bukannya imejan menipu penglihatan seperti yang disangka sesetengah pihak. Kita tidak perlu bimbang kerana ia bukan petanda daya ingatan semakin pudar tetapi cuma minda bekerja lebih masa... seperti mimpi yang kadang-kadang meletihkan kita.

Golongan penulis sering berdepan dengan masalah ketandusan idea atau diistilahkan sebagai *'writers block'*. Mengapa dan bagaimana perkara itu berlaku?

Sekatan aliran buah fikiran itu berpunca daripada cara pemikiran yang salah atau songsang dan ia berlaku kerana timbul arahan di luar sedar supaya otak berhenti berfungsi. Keadaan itu bukan perlakuan semula jadi, hanya sekali-sekala. Sebahagian besar penulis, terutama bagi genre kreatif, mengumpul idea dengan berangan-angan dan melayan fikiran dalam lingkungan struktur yang terbentuk khusus mengikut kemahuan mereka. Masalah terputus idea ketika sedang bersemangat berkarya memang menjengkelkan tetapi ia biasanya berlaku untuk tempoh singkat... mungkin memberi peluang kita berehat seketika.

Jangan jadikan kepincangan kecil itu sebagai alasan untuk berhenti berkarya atau mengumpul ilmu.

Apa kaitan arahan otak dengan naluri (instinct) dan gerak hati (intuition)?

Naluri dan gerak hati adalah proses mental yang melampaui logik. Kita sering menyifatkan kedua-dua keadaan itu sebagai sebahagian daripada perasaan tetapi hakikatnya, otak kita bekerja lebih rancak daripada kebiasaan. Gerakan naluri dan hati berpunca daripada pengiraan spontan fikiran yang cenderung kepada kepada ledakan fungsi otak. Dalam keadaan itu, tindak balas naluri (gut feelings) sering disangka sebagai emosi, misalnya ada ketika anda seolah-olah dapat menduga perkara buruk akan berlaku dan ia benar-benar berlaku. Itu semua adalah isyarat dari otak.

Ramai berkata golongan bijak pandai mempunyai cara pemikiran yang sama. Setakat mana kebenarannya?

Ya, kalau ia berdasarkan perkara asas seperti imaginasi, hubungan kait dan

lokasi. Persamaan itu wujud dalam pembentukan peta minda tetapi tahap penghasilannya sudah tentu berbeza, seperti mana resam pemikiran manusia. Apabila semakin dalam peta minda diterokai, keupayaan akal fikiran juga akan bercambah dengan setiap individu mengikut aliran pemikiran sendiri. Idea Pablo Picasso untuk melukis tidak sama dengan gambaran Salvador Dali, seperti juga lagu gubahan Frederic Chopin jauh berbeza dengan ilham Wolfgang Mozart. Matlamat utama kehidupan ialah memanfaatkannya sebaik mungkin. Yang penting, cari asas kukuh sebagai landasan manakala kefahaman akan menyusul dengan sendiri. Bagaimana untuk melakukannya? Kita saja yang memiliki jawapannya. Fikirkanlah.